

18 APRIL 2018

## Buruh ditahan miliki heroin

RABU 18 APRIL 2018 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD SABAK BERNAM: MOHD IZZATUL IZUAN - 019-2650821 / 019 6680275



Nor Azmi menunjukkan barang kes yang dirampas pada sidang media di Bilik Mesyuarat IPD Sabak Bernam, di sini.

### **Buruh ditahan miliki heroin**

SABAK BERNAM - Seorang penagih cuba melarikan diri sebaik polis menunjukkan kad kuasa di hadapan sebuah rumah di Parit 16, Sungai Panjang, di sini.

Walaupun bagaimanapun, lelaki yang bekerja sebagai buruh itu berjaya dicekup pegawai dan anggota operasi yang mengejar suspek berusia 46 tahun itu.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Nor Azmi Isa berkata, kejadian kira-kira jam 12 tengah hari itu berlaku sewaktu polis menjalankan tugas Op Sarang, 10 April lalu.

"Hasil pemeriksaan lanjut pada suspek, polis menemukan tiga peket plastik mengandungi ketulan dadah

jenis heroin pada bahagian tepi kanan seluar sukan dipakai suspek.

"Polis kemudiannya merampas dadah seberat 15.49 gram bernilai RM500 dan menahan suspek untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, di sini.

Beliau berkata, suspek turut mempunyai enam rekod kesalahan narkotik dan dua kesalahan jenayah sebelum ini.

"Hasil ujian air kencing mendapati suspek positif morfin," katanya.

Beliau berkata, suspek ditahan selama tujuh hari bermula 11 April lalu untuk siasatan lanjut.